

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

ATP 391 - ETIKA PERNIAGAAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas soalan mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Soalan **1 dan 2** adalah **Wajib**. Pilih mana-mana 2 soalan yang lain.

Soalan Wajib:

1. Bincangkan konsep “beretika” daripada perspektif moral dan huraikan apakah faktor-faktor yang menentukan pembentukan “sifat-sifat beretika” seseorang individual itu?

[25 markah]

2. Berdasarkan Prinsip Keadilan Rawl, adakah sistem kapitalist itu boleh dijustifikasikan atau sebaliknya ianya lebih relevan di dalam kontek sistem sosialist? Bincangkan. Bagi setiap penghujjahan gunakan Prinsip-prinsip Rawl.

[25 markah]

Soalan Pilihan: Pilih 2 Soalan Sahaja.

3. Kenalpastikan prinsip-prinsip asas falsafah Etika Islam. Dengan menggunakan contoh-contoh bincangkan bagaimanakah ianya diaplikasikan di dalam dunia perniagaan?

[25 markah]

...2/-

4. Apakah peranan iklan di konteks “konsep pemasaran”? Daripada perspektif ekonomi aktiviti pengiklanan telah dikatakan sebagai pembaziran, tidak cekap, menghalang persaingan yang sihat dan menjuruskan perniagaan ke arah situasi monopoli. Adakah ini benar? Bincangkan.

[25 markah]

5. Dengan berpandukan nota kuliah anda berikan definisi “whistle-blowing”? Huraikan 7 isu utama yang berkaitan dengan definisi ini dan kenalpastikan apakah persoalan-persoalan yang perlu dipertimbangkan sebelum tindakan ini diambil.

[25 markah]

6. Anda adalah Eksekutif Daya Tenaga Manusia sebuah kilang pembuat tayar kereta di Lembah Kelang. Kegawatan ekonomi telah menjejaskan prestasi firma anda. Lembaga Pengarah telah mengambil keputusan untuk berpindah ke Kuala Tembeling, Jerantut Pahang. Ramai daripada kakitangan anda telah bertapak di Lembah Kelang, isteri mereka bekerja di firma yang berasingan dan anak-anak mereka ada yang bersekolah di sekolah-sekolah yang ternama. Menyedari pemasalahan ini anda merasakan Lembaga Pengarah perlu memikirkan semula keputusan mereka dan tidak hanya bergantung kepada persoalan “cost-benefit” untuk membuat keputusan. Bagaimanakah anda akan menguruskan pemasalahan ini dengan berpandukan teori “deontological”?

[25 markah]

---ooo000ooo---